

# KK Sabah pintas UMS

UB 06.11.2012 A16

Oleh **VITALIS G. BINGKASAN**  
vbingkasan@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** Kolej Komuniti (KK) Sabah merangkul enam emas dan satu gangsa dalam acara pencak silat untuk memintas kedudukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) Malaysia 2012 yang sedang berlangsung.

Pingat dari pencak silat sahaja itu meletakkan KK Sabah di kedudukan ketujuh manakala UMSTERUS tenggelam ke tangga ke-21 di kalangan 101 pasukan yang mengambil bahagian pada kejohanan yang julung kali diadakan itu.

Sehingga kelmarin, UMS hanya mampu menambah satu pingat perak dan satu gangsa untuk menghimpun keseluruhan dua pingat emas, dua perak dan dua gangsa.

Shirley Ling Shio Ling terpaksa hanya berpuas hati merangkul pingat perak buat

UMS apabila tewas kepada pemain kebangsaan Jawairiah Noordin (Unimap) pada final perseorangan wanita Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) di UPM dua hari lalu.

Mencipta kejutan dengan menyingkirkan pemain kebangsaan Adeley Boey pada separuh akhir, Shirley diharap terus melakukannya pada perlawanan akhir.

Bagaimanapun harapan itu tidak kesampaian apabila beliau tumpas dua set terus 6-0, 6-0.

“Kita kena terima keputusan itu. Ia tetap membanggakan kerana lawan yang dihadapi adalah pemain kebangsaan,” kata Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Fong ketika dihubungi.

Tambahan satu pingat gangsa pula dihadirkan dalam acara pencak silat manakala dua pingat emas, satu perak dan satu gangsa yang dimenangi awal UMS adalah menerusi acara poomsae taekwondo.

Cabaran pasukan bola sepak lelaki UMS pula berakhir di suku akhir apabila tumpas 0-3 manakala pasukan bola tampar lelaki dikecewakan UiTM 18-25, 25-20 dan 15-12 juga di suku akhir.

Carta kutipan pingat didahului pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan 36 emas, 17 perak dan 31 gangsa diikuti Universiti Putra Malaysia (UPM- 27e, 17p, 18g) dan Universiti Malaysia (UM - 10e, 9p, 7g).

Kejohanan yang telah bermula sejak 28 Oktober itu disertai 5,000 atlet dari 101 pasukan melibatkan 20 IPT awam, 46 IPT swasta, 25 politeknik dan 10 Kolej Komuniti.

Pertandingan yang dijalankan di beberap venue di Semenanjung Malaysia tersebut menawarkan keseluruhan 165 pingat emas, 165 perak dan 208 gangsa dan dijadualkan akan berlangsung sehingga 11 November.